

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada *stakeholders* dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- i. Impak Perintah Kawalan (PKP) di lapangan bagi Negeri Johor dan Negeri Sembilan.
- ii. Impak PKP ke atas ekonomi.

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

PENDAHULUAN

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor dan Negeri Sembilan telah menjalankan Kajian Impak Covid-19 kepada beberapa sektor utama negara terutamanya dalam Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan. Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan temuduga pengusaha di lapangan.

Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya (Ibu Pejabat) juga telah menjalankan analisis kesan penularan wabak pandemik di Malaysia terhadap Pasaran Tenaga Buruh dalam Sektor Informal dan GIG.


JOHOR

Impak terhadap:


➤ Perdagangan Runcit



- Jualan dalam tempoh PKP bagi pertubuhan runcit di Johor mengalami **penurunan kira-kira 50%**.
- Pertubuhan juga perlu menanggung kos pekerja yang mengakibatkan kerugian kepada pertubuhan sekiranya tempoh PKP berpanjangan.
- **Stesen minyak** berhadapan dengan **tiga impak** yang amat ketara iaitu:
 - i. penurunan harga minyak;
 - ii. pandemik COVID-19; dan
 - iii. penutupan pintu masuk dan keluar bagi kemasukan warga Singapura dan pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura.
- Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Imigresen Malaysia, dianggarkan transaksi keluar dan masuk sempadan pada kebiasaannya adalah di antara 300,000 hingga 400,000 orang. Pelaksanaan PKP mengakibatkan **transaksi berkurangan sehingga 80%** dan ini memberi kesan kepada peniaga di Johor Bahru khususnya stesen minyak. Penjualan dijangka menurun sehingga 60%.

**Jualan**
Nilai jualan merosot **50%**

**Imigresen**
Penurunan transaksi keluar masuk Singapura-JB **80%**.

**Cabaran**

- Harga minyak turun
- Pandemik Covid-19
- Penutupan pintu keluar masuk Singapura-JB

➤ Perkhidmatan Makanan

- Pertubuhan di sektor ini melaporkan **nilai jualan menurun sehingga 90%** dalam tempoh PKP.
- Bilangan **pekerja berkurangan sehingga 80%** memandangkan transaksi yang kurang semasa PKP. Pekerja yang bercuti masih dibayar gaji namun jika tempoh PKP ini berlanjutan, **pekerja separuh masa (part time) terpaksa dihentikan**.
- Di sekitar Johor Bahru, dianggarkan sebanyak 3,000 pertubuhan dalam industri perkhidmatan makanan dengan anggaran sejumlah 21,879 pekerja. Rata-rata para pengusaha berharap kerajaan dapat memberi insentif bagi membantu pembayaran gaji, utiliti dan pinjaman.



Jualan
Nilai jualan merosot **90%**



Pekerjaan

- Pekerja berkurang **80%**
- Pekerja separuh masa **diberhentikan**.



➤ Pengangkutan (Teksi)



Pendapatan
Pendapatan pemandu **terjejas**

- Persatuan Pemilik & Pemandu Teksi bagi Johor Bahru/ Singapura melaporkan bahawa **pendapatan pemandu paling terjejas** kerana operasinya hanya dari Terminal Larkin ke Rochor pergi balik dan tidak boleh beroperasi di sekitar Johor Bahru melainkan memohon untuk *grab taxi*. Ini menjadi lebih buruk bagi ahli yang baru bertukar kenderaan di mana ia meningkatkan kos perbelanjaan.

➤ Pembuatan

(bukan *essential services*)



- Kebanyakan syarikat menyatakan akan kerisauan untuk memenuhi permintaan pelanggan di mana dalam tempoh ini **production line perlu dihentikan**. Ini akan memberi **kesan kepada eksport dan keyakinan pelanggan daripada luar negara**.
- Pertubuhan memaklumkan **kerugian dalam 60%**. Pada masa yang sama pertubuhan perlu menanggung pembayaran kepada pekerja, utiliti dan pinjaman.
- Pertubuhan yang dihubungi mencadangkan agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dapat meneliti pendekatan yang terbaik bagi *non-essential industry* khususnya yang terlibat dengan transaksi eksport untuk survival dalam tempoh PKP ini khususnya jika tempoh ini dilanjutkan.



Pendapatan
Kerugian sebanyak **60%**



Pengeluaran
Kerugian sebanyak **60%**



Pasaran Luar Negeri

- Penurunan **eksport**
- Kesan kepada **keyakinan pelanggan**



➤ Kelapa Sawit



- Kebanyakan syarikat memaklumkan **akan kejatuhan pengeluaran di antara 10% hingga 30%** kerana **production line** tidak dapat berjalan dengan kapasiti penuh sedangkan perlu membiayai kos *overhead* yang tinggi. **Kos operasi juga meningkat 10% hingga 20%** antaranya perlu terus membiayai pembayaran gaji pekerja semasa PKP.
- Syarikat juga menjangkakan akan berlaku kekurangan tenaga buruh khususnya daripada luar, kesan daripada pandemik ini yang akan memberi kesan kepada industri. Tambahan pula guna tenaga tempatan amat terhad. Harapan pengusaha agar kerajaan dapat membantu dari aspek insentif untuk membantu dalam pembiayaan pekerja dan utiliti.



Pengeluaran
Kejatuhan pengeluaran
10% hingga 30%



Kos Operasi
Kenaikan kos operasi sebanyak
10% hingga 20%



Pekerjaan
Kekurangan tenaga buruh



➤ Sauna, Urut & Dandan Rambut (Salon & SPA)



Jualan
Nilai jualan merosot
40%.



Pekerjaan
Pekerja diberi cuti dengan separuh gaji.

- Terdapat syarikat yang merupakan pemain utama dalam industri terpaksa menutup operasinya dalam tempoh PKP ini kerana kebiasaannya pelanggannya adalah daripada negara Singapura.
- Di Johor Bahru, dianggarkan sebanyak 200 pertubuhan (syarikat) dalam industri ini dengan bilangan pekerja sejumlah 1,600 orang. Syarikat menjangkakan **nilai jualan akan menurun dalam 40%**. Dalam tempoh ini **pekerja hanya diberikan cuti dengan separuh gaji**.



➤ Penginapan/Perhotelan


- Sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang ekonomi di Negeri Sembilan terutamanya bagi daerah Port Dickson. Maklumat yang diperolehi daripada beberapa hotel utama di Port Dickson memaklumkan bahawa hotel tidak menjalankan operasi dalam tempoh PKP.
- Bagi perkhidmatan hotel di daerah Seremban, kesan COVID-19 telah mula dirasai seawal bulan Februari lagi dengan **penurunan hasil sebanyak 10%. Pada bulan Mac, penurunan lebih ketara iaitu sebanyak 50% telah direkodkan.**



Penurunan
hasil sebanyak
10%-50%



➤ Sektor Pembuatan



25%
syarikat **tidak**
beroperasi

- Berdasarkan kepada survei yang dijalankan terhadap syarikat liputan sektor Pembuatan di Negeri Sembilan, **hampir 25% syarikat di sektor ini disahkan tidak beroperasi dalam tempoh PKP.**
- **Jumlah anggaran hasil bagi syarikat yang tutup sebelum ini adalah RM392.5 juta.** Penutupan sementara ini turut melibatkan syarikat bersaiz besar.

